**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 10 Sep 2020 (Khamis)

**Berita Harian**
Gangguan bekalan air di 7 wilayah pulih 1
Pertimbang klasifikasi kes sebagai jenayah terancang 2
Syor wujud badan pengurusan air Wilayah Persekutuan 3
Pelarut organik mungkin punca pencemaran bau 4
Pemilik perlu mohon permit sebelum hujung tahun 5
Jaga alam sekitar tugas bersama 6
Pasukan khas atasi konflik manusia, hidupan liar 7

**Utusan Malaysia**
Menanti ketegasan kerajaan Selangor 8
Bekalan air tujuh wilayah pulih 9
Kilang haram diroboh dalam masa terdekat - Amiruddin 10
Pencemaran sungai kes serius 11
Tegas tangani pencemaran sungai 12

**Harian Metro**
Klasifikasi pencemaran jadi jenayah terancang 13
Masalah bekalan air pulih sepenuhnya 14
Patuh atau roboh 15

**Kosmo**
Jalan terakhir atasi isu pencemaran 16
Bekalan air pulih sepenuhnya 17
Kerajaan Selangor mula bertindak 18

**Sinar Harian**
Cemar alam sekitar jenayah terancang 19
Gangguan air di tujuh daerah pulih sepenuhnya 20
Lima cubaan cemarkan sungai berjaya dihalang 21
SAM gesa 'pemutihan' kilang di kawasan sungai 22
Kaji cadangan wujud lebuh raya air 23
Berita gembira untuk pantai timur? 24

**The Star**
'Throw the book at them' 25
People-friendly approach for redesign 26
Playground mats turn into mosquito breeding ground 27
RAISE THE FLAG 28

**New Straits Times**
IGP: Put environmental pollution offences under Sosma 29
'STATES SHOULD REZONE FACTORIES NEAR RIVERS' 30
Water supply fully restored 31
REVIEW LAWS TO PROTECT WATER SOURCES 32

**The Sun**
IGP: Classify environmental crimes under Sosma 33
Samples taken from firm in water pollution probe 34

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Gangguan bekalan air di 7 wilayah pulih |
| Muka Surat | : | 5 |

# Gangguan bekalan air di 7 wilayah pulih

**Shah Alam:** Gangguan bekalan air tidak berjadual hampir seminggu di tujuh wilayah sejak 3 September lalu, sudah pulih sepenuhnya pagi semalam.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata gangguan itu membabitkan tujuh wilayah iaitu Wilayah Klang/Shah Alam, Petaling, Kuala Langat, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Gombak dan Kuala Lumpur.

"Air Selangor merakamkan penghargaan terima kasih di atas kesabaran pengguna sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual ini.

"Semua pengguna juga diingatkan supaya menggunakan air secara berhemah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Elina berkata, Air Selangor turut menyarankan pengguna untuk memuat turun aplikasi telefon pintar, Air Selangor di Google Play atau Apple Store untuk maklumat terkini berkaitan bekalan air.

"Pengguna juga boleh merujuk Facebook, Twitter dan Instagram Air Selangor atau layari laman sesawang kami di www.airselangor.com untuk pertanyaan dan bantuan," katanya.

> ***Air Selangor merakamkan penghargaan terima kasih di atas kesabaran pengguna sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual ini.***
>
> ***Elina Baseri,***
> *Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor)*



***Pekerja kedai makan, Suciate Riadi*** *mencuci peralatan selepas gangguan air pulih di Pekan Meru, Selangor, semalam.*
(Foto Siti Noor Farah Hanan Mat Zahir/BH)

Pada 3 September lalu, tujuh wilayah membabitkan 1,292 kawasan mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual berikutan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang.

Henti tugas itu susulan insiden pencemaran air mentah disyaki berpunca dari premis perindustrian di kawasan Sungai Gong yang melakukan pelepasan berbau seakan pelarut ke dalam sungai.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Pertimbang klasifikasi kes sebagai jenayah terancang |
| Muka Surat | : | 5 |

*Susulan pencemaran Sungai Gong*

# Pertimbang klasifikasi kes sebagai jenayah terancang

## Siasatan ikut SOSMA kenakan hukuman lebih berat terhadap dalang

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my


Nasional
Ketiadaan bekalan air bebankan masyarakat
Penempatan di kawasan tinggi masih bergelut dapatkan sumber

***Laporan BH** disiarkan Isnin lalu.*

> *Ada cadangan supaya Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) mengenakan hukuman lebih berat terhadap dalang kes ini. Kita sedang mempertimbang untuk menyiasat mengikut SOSMA.*
>
> ***Abdul Hamid Bador,***
> *Ketua Polis Negara*

**Cheras:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang mempertimbang untuk mengklasifikasikan kes pencemaran di Sungai Gong sebagai jenayah terancang yang membolehkan ia disiasat mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, berkata pihaknya kini giat menyiasat kes itu daripada pelbagai aspek, termasuk kemungkinan wujud perbuatan sabotaj pihak tertentu.

"Kelmarin, kita mengadakan pertemuan dengan pelbagai pihak dan agensi, termasuk Jabatan Peguam Negara. Ada beberapa arahan dikeluarkan dan memerlukan polis memenuhi tuntutan itu.

"Ada cadangan supaya Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) mengenakan hukuman lebih berat terhadap dalang kes ini. Kita sedang mempertimbang untuk menyiasat mengikut SOSMA.

"Polis akan menyiasat jika ada unsur mengugut, menakutkan, sabotaj dan perbuatan yang berulang kali serta tidak baik," katanya pada sidang media sempena Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Pengarah Jabatan dan Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) di Maktab PDRM, di sini, semalam.

Mengenai cadangan penubuhan Unit Jenayah Alam Sekitar diketuai PDRM bagi menangani isu pencemaran pula, Abdul Hamid berkata, perkara itu akan diteliti oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk sebarang tindakan lanjut.

"Kita tiada masalah untuk menerima tugas itu. Buat masa ini, kita sudah memberi komitmen membantu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), selain melaksanakan tugas mencegah kes penyeludupan.

"Ia membabitkan ramai polis, selain menyebabkan beban tugas bertambah. Jika cadangan itu diluluskan KDN, saya memohon perjawatan tambahan," katanya.

Insiden pencemaran Sungai Gong di Rawang, minggu lalu, menyebabkan 1.2 juta akaun dan kira-kira lima juta pengguna di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga sudah memulakan siasatan berhubung isu pencemaran Sungai Gong bertujuan meneliti unsur rasuah membabitkan mana-mana pihak, termasuk agensi penguat kuasa.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Syor wujud badan pengurusan air Wilayah Persekutuan |
| Muka Surat | : | 5 |

# Syor wujud badan pengurusan air Wilayah Persekutuan

**Putrajaya:** Kementerian Wilayah Persekutuan akan mewujudkan sebuah badan pengurusan air sendiri di Wilayah Persekutuan bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk keperluan penduduknya.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata, di Wilayah Persekutuan banyak terdapat sumber air seperti sungai, air bawah tanah dan tasik, namun ia tidak dimanfaatkan untuk kegunaan orang ramai.

Beliau memberi contoh seperti Singapura, negara itu mempunyai badan pengurusan air sendiri untuk minuman dan kegunaan seharian.

"Cadangan penubuhan pengurusan air ini sudah dikemukakan dalam mesyuarat Kabinet hari ini (semalam) dan kajian mengenainya sedang dilaksanakan pihak Kementerian," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Bubur Asyura bersama komuniti di Surau An-Najah, Presint 9 di sini semalam.

Yang turut hadir, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr Aminuddin Hassim dan Pengerusi Surau An-Najah, DatukAb Rahman Awang.

Sebanyak enam kawah bubur disediakan membabitkan seramai 100 peserta dianjurkan bersama Kementerian Wilayah Persekutuan, PPj dan Majlis Perwakilan Penduduk dan Surau An-Najah.

Selain itu, Annuar turut mengarahkan kementeriannya itu untuk melihat dan mengkaji teknologi rawatan air moden untuk diselaraskan dengan sumber air sedia ada bagi kegunaan orang ramai.

"Kita tidak seharusnya bergantung terus dengan membeli dan mendapatkan bekalan air dari kerajaan Selangor, sebaliknya perlu diwujudkan sendiri tanpa bergantung kepada pihak luar. Sebagai pusat bandar raya masalah gangguan bekalan air tidak sepatutnya berlaku memandangkan kita mempunyai sumber air yang banyak," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak akan teragak-agak mengambil tindakan kepada penduduk setinggan yang mencemarkan sungai dan membuang sampah merata rata, khususnya di kawasan punca berlakunya banjir kilat di ibu kota.

Beliau berkata, antara tindakan yang diambil termasuk memindahkan mereka ke 'council home' supaya tidak membebankan penduduk dan ia bergantung kepada kekosongan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>10 September 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Pelarut organik mungkin punca pencemaran bau |
| Muka Surat | : | 6 |

# Pelarut organik mungkin punca pencemaran bau

**Kuala Lumpur:** Pelarut organik mungkin menjadi punca pencemaran bau di Sungai Gong, Rawang hingga menyebabkan empat loji rawatan air dihenti tugas.

Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Yang Farina Abdul Aziz, berkata pelarut industri yang digunakan dalam penyelenggaraan jentera berat mempunyai bau yang kuat kerana diperbuat daripada bahan organik dan boleh mencemar sungai.

"Walaupun analisis sampel air ini belum didedahkan lagi, namun saya nampak ia mesti berasaskan pelarut organik yang digunakan untuk melarutkan minyak pada jentera berat.

"Loji air harus dihenti tugas kerana bau yang disebabkan oleh bahan organik ini mengeluarkan bau yang kuat," katanya ketika dihubungi *BH*.

Pencemaran Sungai Gong, minggu lalu, menyebabkan 1.2 juta akaun dan kira-kira lima juta pengguna di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air.

Sementara itu, ahli kimia menjelaskan, bahan cemar dalam air minuman boleh memberi kesan kesihatan kepada individu.

Pengarah Bahagian Kualiti Alam Sekitar, Pusat Sekitaran, Kimia Malaysia, Dr Nazarudin Mohamed@Ibrahim, berkata keputusan dari sampel air Sungai Gong mendapati ia daripada kategori bahan cemar yang pernah ditemui dalam sampel lain sebelum ini.

> ***Loji air harus dihenti tugas kerana bau disebabkan bahan organik ini mengeluarkan bau yang kuat.***
>
> ***Yang Farina Abdul Aziz,***
> *Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi UKM*



Beliau berkata, bahan cemar itu dikhuatiri boleh mendatangkan kesan tidak baik, terutama untuk jangka panjang.

"Kita sudah menyerahkan keputusan sampel air itu kepada agensi yang berkaitan. Kita tidak boleh dedahkan kerana menghormati kerahsiaan pelanggan kita.

"Ini bahan cemar dalam kategori yang sama, iaitu yang biasa ditemui dan yang pernah juga dikesan dalam sampel air sebelum ini. Ini bahan kimia yang biasa digunakan dalam industri," katanya.

Nazarudin berkata, masalah pencemaran sumber air perlu ditangani dengan mewujudkan badan penyelaras yang menggabungkan semua agensi penguatkuasaan.

Katanya, setiap agensi mempunyai bidang kuasa terhad dan penting untuk kuasa itu diselaraskan oleh satu badan supaya tindakan bersepadu dapat dilakukan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 10 September 2020

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Pemilik perlu mohon permit sebelum hujung tahun |
| Muka Surat | : | 6 |

*Susulan pencemaran 4 sungai di Selangor*

# Pemilik perlu mohon permit sebelum hujung tahun

## Premis akan diroboh awal tahun depan jika masih ingkar

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my




***Amirudin melakukan gimik perasmian*** *pada Majlis Pengisytiharan Sempena Menjunjung Titah Sultan Selangor bagi Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat di Kuala Langat, semalam.* (Foto Muhd Asyraf Sawal/BH)

**Kuala Langat:** Pemilik tanah dan kilang yang beroperasi secara haram di Selangor diberi tempoh sehingga hujung tahun ini untuk memohon permit.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata jika pemilik tanah masih ingkar, premis mereka akan diroboh.

"Projek (pemutihan) kilang-kilang haram sudah bermula pada 2008. Bagaimanapun ia kurang mendapat sambutan kerana membabitkan kos yang tinggi.

"Kita bagi tawaran kepada mereka sehingga akhir tahun ini tetapi jika keadaan mendesak, saya rasa kita boleh laksanakan dengan lebih cepat menjelang bajet akan datang.

"Proses perobohan akan kita laksanakan pada awal tahun depan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pengisytiharan Sempena Menjunjung Titah Sultan Selangor bagi Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat, di sini semalam.

Amirudin berkata, beliau akan mempengerusikan jawatankuasa kecemasan sebagai usaha kerajaan negeri mengurangkan kesan pencemaran terhadap sumber air di Selangor.

"Kali ini kita akan menggabungkan teknologi pemantauan sungai seiring dengan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sebagai agensi pemantauan sumber air.

"Kita juga akan melaksanakan usaha pembersihan kawasan sungai, pengosongan rizab sungai yang dibangunkan dengan infrastruktur dan bangunan yang tidak mendapat kebenaran," katanya.




***Keratan*** *akhbar BH, semalam.*

Beliau berkata, pihaknya akan menjunjung kasih titah Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam yang menitahkan tindakan perlu diambil berhubung isu berkenaan.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa pihak berkuasa negeri berkaitan pencemaran bertindak tegas dengan melakukan 'pemutihan' kilang dan binaan berhampiran sungai bagi memastikan kebersihan dan keselamatan sungai sebagai sumber air terpelihara.

Penyelidik Lapangan SAM, Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata pengezonan semula kilang dan binaan berhampiran sungai di setiap negeri perlu dilakukan supaya sisa buangan tidak lagi dialirkan terus ke sungai.

"Ia sebagai langkah pencegahan sebelum isu pencemaran di Sungai Selangor berulang.

"Dalam pada (menunggu) undang-undang dan peraturan sedia ada ditambah baik atau dipinda, sebenarnya agensi berkaitan masih boleh melakukan penguatkuasaan di bawah undang-undang sedia ada dengan meminta mana-mana kilang yang melanggar syarat nyata kegunaan tanah seperti dalam geran hak milik memindah atau meroboh bangunan mereka," katanya.

Beliau mengulas kejadian gangguan bekalan air di Selangor akibat pencemaran di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang yang berpunca daripada aktiviti kilang berhampiran sumber air.



***Pengezonan semula kilang, binaan berhampiran sungai di setiap negeri perlu dilakukan supaya sisa buangan tidak lagi dialirkan terus ke sungai.***

***Meor Razak Meor Abdul Rahman,***
*Penyelidik Lapangan SAM*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

## KERATAN AKHBAR
## 10 September 2020

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Jaga alam sekitar tugas bersama |
| Muka Surat | : | 13 |

# Jaga alam sekitar tugas bersama

**Kementerian** Alam Sekitar dan Air mempunyai amanah yang amat berat pada zaman ini. Zaman di mana sumber alam semula jadi kian 'mengecil', ditambah pula kerancakan aktiviti pencemaran yang makin berleluasa.

Sekiranya KASA gagal, maka kelestarian alam semula jadi negara ini akan terus tercemar dan musnah sedikit demi sedikit.

Selain menteri dan timbalan menteri yang mahir dalam bidang pengkhususan kepimpinan, keagamaan, strategik dan pendidikan, kementerian ini juga makin lengkap apabila melantik Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang selaku Ketua Setiausahanya.

Beliau seorang pakar dalam bidang kejuruteraan alam sekitar, pengkhususan rawatan air dan sisa. Beliau juga penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah. Kebangsaan bagi tahun 1441H (2019).

Lihat bagaimana kedudukan tiga paksi utama dalam kementerian ini sebenarnya suatu pelengkap paling ideal dalam kita mencorakkan sesuatu organisasi atau kuasa pemerintah.

Punya ulama yang akan mencorakkan sesebuah organisasi menuju kepada keputusan yang mementingkan hukum hakam agama. Punya pakar dalam bidang pendidikan dan strategik agar dapat mendidik masyarakat untuk mengasihi alam.

Serta punya pakar akademik khusus dalam bidang kejuruteraan alam sekitar yang akan bertindak menjadi 'ketua enjin' untuk menggerakkan kementerian terpenting ini.

Bagi sesetengah pihak, kementerian ini dilihat terasing atau tidak begitu mustahak. Namun, apabila timbul beberapa isu pencemaran alam, lensa media dan seluruh mata serta telinga rakyat mula tertumpu kepada mereka.

Tatkala berlaku kembali krisis air di Selangor sebagai contoh, kira-kira lima juta pengguna air yang terbabit berang kerana sudah tidak mampu menahan masalah yang tidak pernah selesai.

Maka, tiga tunjang utama ini antara individu yang pada waktu itu menjadi 'barisan hadapan' terpenting untuk rakyat mengadu nasib.

Kepentingan fungsi kementerian ini dapat dilihat bagaimana isu alam sekitar dipandang serius sendiri oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Al-Sultan Abdullah amat berdukacita dan mahu kementerian mengambil tindakan tegas terhadap kes pencemaran Sungai Gong di Selangor. Yang di-Pertuan Agong juga berkenan menerima menghadap Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, di Istana Negara baru-baru ini.

Pengumuman menteri untuk menubuhkan Unit Jenayah Alam Sekitar adalah suatu langkah yang amat drastik, berstrategi dan tepat. Tujuannya satu, bagi menangani isu pencemaran alam sekitar yang dianugerahkan Tuhan.

Inisiatif ini juga menggambarkan keprihatinan dan pandangan tinggi Istana Negara terhadap isu alam semula jadi ini.

Betapa kementerian meletakkan sumber alam ini sebagai suatu permata yang berharga, kita boleh menafsir kata-kata Tuan Ibrahim ketika bercadang untuk menubuhkan Unit Jenayah Alam Sekitar ini.



"Unit ini dicadang untuk diletakkan di bawah sektor keselamatan, memandangkan isu berkaitan air dan alam sekitar ini dilihat berpotensi menjejaskan keselamatan negara, terutama ekonomi dan kesejahteraan rakyat, jika sebarang bencana berlaku," katanya.

Bagi melengkapkan peri pentingnya penjagaan alam ini, kementerian akan mempercepat pindaan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang antara lain bagi mengenakan penalti lebih berat dan bercadang membentangkannya pada sesi persidangan Dewan Rakyat akan datang.

Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan memastikan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan pemantauan terhadap kualiti air mentah secara berkala dan meningkatkan kekerapan operasi.

Ternyata kementerian begitu serius menjaga alam semula jadi di negara ini. Dengan pelbagai kepakaran dan aset yang ada, kementerian terus bertindak sebagai 'Polis Alam Sekitar' yang akan memegang segala amanah Tuhan bagi memelihara dan memulihara ciptaan teragung ini.

Justeru, sebagai warganegara yang sayangkan negara, kita jangan hanya sensitif terhadap lambang negara seperti logo, bendera, Rukun Negara dan sebagainya, namun perlu juga memastikan kelestarian alam sekitar negara sentiasa segar dalam ekosistemnya sendiri.

***Hj Sarfa,***
*Putrajaya*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Pasukan khas atasi konflik manusia, hidupan liar |
| Muka Surat | : | 16 |

# Pasukan khas atasi konflik manusia, hidupan liar

**Kuala Lumpur:** Kementerian Tenaga dan Sumber Asli akan menubuhkan pasukan khas pada peringkat kebangsaan membabitkan pelbagai pemegang taruh bagi menangani konflik antara manusia dengan hidupan liar.

Menterinya, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata ia dianggotai kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kementerian atau agensi berkaitan seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) serta Jabatan Kerja Raya (JKR).

Selain itu, katanya, syarikat konsesi lebuh raya dan syarikat perladangan besar juga menganggotai pasukan khas berkenaan.

"Buat masa ini, pasukan khas pada peringkat kerajaan negeri sudah diwujudkan bagi menangani isu konflik manusia-hidupan liar.

"Bagi tujuan penambahbaikan, kementerian akan menubuhkan pasukan khas pada peringkat kebangsaan yang dianggotai kerajaan negeri, PBT, kementerian atau agensi berkaitan, syarikat konsesi lebuh raya dan syarikat perladangan bagi menangani konflik manusia-hidupan liar," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Selain itu, Shamsul berkata, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) akan mewajibkan pematuhan kepada Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) bagi sebarang projek di habitat hidupan liar.

Beliau berkata, WMP ini akan dijadikan syarat dalam kelulusan laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) di bawah Akta Kualiti alam Sekeliling 1974.

"Semua projek pembangunan yang memerlukan laporan EIA perlu menyediakan WMP yang akan mengenal pasti langkah mitigasi perlu dipatuhi penggerak projek dan pelaksanaannya yang akan dipantau PERHILITAN bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya.

Mengulas lanjut inisiatif lain dirintis kementerian itu, Shamsul berkata, kerajaan berusaha mengurangkan kemalangan sehingga membunuh haiwan di jalan raya dengan mengguna pakai konsep koridor ekologi seperti dalam Pelan Induk Central Forest Spine (CFS).

Beliau berkata, koridor ekologi bertujuan menghubungkan kembali kawasan hutan yang terpisah oleh pembinaan lebuh raya, jalan raya dan perubahan guna tanah untuk aktiviti pembangunan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Menanti ketegasan kerajaan Selangor |
| Muka Surat | : | 2 |

**Minda Pengarang**

**ISMAIL DAUD**



# *Menanti ketegasan kerajaan Selangor*

APA maknanya apabila Yang di-Pertuan Agong dan Sultan Selangor bersuara dalam isu pencemaran sungai yang membawa kepada gangguan bekalan air di Lembah Klang?

Teguran itu bukan sahaja menunjukkan baginda berdua sangat prihatin terhadap masalah rakyat tetapi satu isyarat kepada pihak berkuasa untuk bertindak dengan lebih tegas dan keras.

Sebenarnya, apa yang dizahirkan oleh Al-Sultan Abdullah dan Sultan Sharafuddin itu adalah cetusan hati rakyat. Apatah lagi isu ini sudah berulang kali berlaku tanpa ada penyelesaian yang tuntas.

Kalau kita lihat ruangan komen di Facebook Menteri Besar, Datuk Seri Amiruddin Shari, kemarahan rakyat sangat ketara. Semuanya mahukan tindakan tegas tanpa kompromi lagi.

Yang menjadi modal sembang mereka ialah bagaimana kilang haram boleh beroperasi di tepi sungai selama enam tahun tanpa lesen. Takkan tak tahu, kata mereka.

Masalah ketiadaan bekalan air ini bukan sahaja menyusahkan rakyat tetapi ada kos tambahan yang perlu ditanggung oleh mereka. Sebab itu mereka naik angin.

> **“Sekarang bukan masa untuk mencipta alasan dan menuding jari menyalahkan pihak lain.”**

Mereka terpaksa membazir cuti tahun, membeli air untuk air minum, berbelanja untuk membeli bekas simpanan air tambahan dan apabila bekalan air pulih, terpaksa pula membuang puluhan, mungkin ratusan liter air keruh yang masuk ke dalam tangki rumah.

Ini semua bukan sedikit kosnya. Kalau anak ramai, lagi banyak kosnya. Kalau bekalan terputus banyak hari, bertambahlah lagi. Rebat tidak pernah diberikan.

Justeru, sekarang bukan masa untuk mencipta alasan dan menuding jari menyalahkan pihak lain.

Tindakan pemutihan aktiviti perindustrian di sepanjang sungai di Selangor terutama di 31 muka sauk perlu dipercepatkan, apatah lagi pihak istana juga sudah memberi 'izin' untuk tindakan meroboh.

Selangor tidak rugi satu sen pun dengan merobohkan kilang-kilang haram ini kerana mereka bukannya membayar cukai, sebaliknya mereka mengaut keuntungan lumayan. Jangan ada lagi belas ehsan. Jika tidak menteri besar yang jenuh menjawab.

Selangor ada tujuh lembangan sungai dengan 1,025 anak sungai. Kalau semua pihak berkuasa yang berkaitan membuat rondaan dan pemeriksaan, mungkin sebulan sudah cukup untuk semua kilang haram tepi sungai dikenal pasti.

Rakyat kini menunggu ketegasan daripada pihak berkuasa.

**Ismail Daud ialah Pengarang Berita *Utusan Malaysia***

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Bekalan air tujuh wilayah pulih |
| Muka Surat | : | 6 |

# Bekalan air tujuh wilayah pulih

**SHAH ALAM:** Kesemua tujuh wilayah yang terlibat dengan gangguan bekalan air tidak berjadual pulih sepenuhnya pada pukul 7 pagi semalam.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor), Elina Basri berkata, tujuh wilayah yang terlibat ialah Hulu Selangor, Kuala Langat, Kuala Selangor; Klang/ Shah Alam, Gombak, Petaling serta Kuala Lumpur.

"Semua kawasan tersebut mengalami gangguan bekalan air ekoran henti tugas di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2,3 dan Rantau Panjang pada 3 September lalu.

"Air Selangor ingin mengucapkan terima kasih di atas kesabaran para pengguna sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah Elina, pengguna boleh merujuk aplikasi Air Selangor, semua saluran rasmi media sosial Air Selangor dan laman sesawang rasmi Air Selangor untuk mendapatkan maklumat terkini status bekalan air di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**10 September 2020**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Kilang haram diroboh dalam masa terdekat - Amiruddin |
| Muka Surat | : | 6 |

# Kilang haram diroboh dalam masa terdekat – Amirudin

**KUALA LANGAT:** Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mengarahkan semua kilang haram di tepi sungai di Selangor dirobohkan dalam waktu terdekat.

Beliau berkata, tindakan itu sebagai menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah terhadap kilang terutama premis haram di tepi sungai yang berpotensi mencemarkan anak sungai.

Katanya, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) diberi tugas sebagai agensi pelaksana memantau struktur tidak wajar di tepi sungai dan mengosongkan binaan di kawasan rizab sungai.

"Kita mengabungkan teknologi pemantauan sungai bagi menghalang cubaan mana-mana pihak melakukan pencemaran.

"Saya sendiri akan mempengerusikan jawatan kuasa menangani perobohan kilang haram dan struktur tidak wajar sepanjang sungai di negeri ini.

"Jika kita ambil tindakan, kita harap semua pihak bekerjasama terutama pengosongan rizab sungai di kawasan perbandaran. Perkara ini tidak mudah kerana ada pihak mempermainkan isu ini untuk melakukan serangan politik," katanya selepas Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat di sini semalam.

Kelmarin, Sultan Sharafuddin menzahirkan rasa dukacita terhadap gangguan bekalan air yang terpaksa ditanggung rakyat Selangor susulan pencemaran sebuah kilang jentera berat.

Mengulas mengenai jumlah kilang haram terlibat dengan perobohan, Amirudin berkata, buat masa ini pihaknya tidak mempunyai statistik jumlah kilang haram yang berada di sepanjang sungai yang terlibat.

Katanya, pihaknya tidak mempunyai statistik disebabkan kilang-kilang berkenaan berada di bawah pihak berkuasa tempatan yang berbeza.




**AMIRUDIN Shari menunjukkan isyarat bagus selepas merasmikan Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat, semalam. – UTUSAN/ ABDUL RAZAK IDRIS**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Pencemaran sungai kes serius |
| Muka Surat | : | 6 |



**ABDUL Hamid Bador (barisan depan, tiga dari kiri) dan timbalannya, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani (barisan depan, tiga dari kanan) bergambar bersama ketua-ketua jabatan pada Majlis Serah Terima Tugas Empat Pengarah Jabatan PDRM di Cheras, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI.**

## PDRM siasat di bawah Sosma – Ketua Polis Negara

# Pencemaran sungai kes serius

**Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyifatkan isu pencemaran air dan pencerobohan tanah termasuk di Sungai Gong, Rawang, Selangor yang mengakibatkan kira-kira lima juta pengguna sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan sebagai kesalahan serius serta sangat berat .

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, kes tersebut perlu diklasifikasikan sebagai jenayah terancang dan diletakkan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah khas) 2012 (Sosma).

Katanya, PDRM melihat setiap sudut untuk mengenakan tindakan undang-undang termasuk kemungkinan ada unsur sabotaj pihak tertentu.

"Pertemuan telah diadakan dengan pelbagai pihak dan agensi termasuk Jabatan Peguam Negara. Ada beberapa perkara yang ditimbulkan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) antaranya kesalahan ini amat berat dan menimbulkan kesan meluas.

"Polis akan menyiasat jika ada unsur mengugut, menakutkan, sabotaj dan perbuatan yang berulang kali," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Pengarah Jabatan dan Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (Perkep) di Maktab PDRM, di sini semalam.

Pertukaran empat pengarah jabatan baharu adalah Datuk Razarudin Husain @ Abd Rasid, Datuk Ramli Din, Datuk Seri Abdul Rahim Jaafar dan Datuk Seri Mazlan Lazim.

Razarudin dilantik sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik; Ramli (Pengarah Jabatan Pengurusan); Abdul Rahim Jaafar (Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam) dan Mazlan (Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi).

Sementara itu, Abdul Hamid berkata, pihaknya menyerahkan kepada Kementerian Dalam Negeri berhubung idea penubuhan unit jenayah alam sekitar yang dikatakan akan bekerjasama dengan PDRM.

"Jika ia direalisasikan, saya mohon ada pertambahan perjawatan. PDRM sudah beri komitmen bantu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan). Kita juga menjalankan tugas untuk mencegah penyeludupan secara besar besaran. Tugas-tugas bertambah.

"Kami sanggup terima tanggungjawab dan kami yakin kami mampu jaga alam sekitar," katanya.

Unit itu turut akan bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk menyelaras tindakan bersama antara agensi penguat kuasa.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Tegas tangani pencemaran sungai |
| Muka Surat | : | 19 |

**ADUAN PBT**

# Tegas tangani pencemaran sungai

**SAUDARA PENGARANG,**

**MENGULAS** isu kira-kira lima juta pengguna hidup dalam kekalutan berikutan gangguan bekalan air yang berlaku secara tiba-tiba di tujuh daerah sekitar Lembah Klang, awal bulan ini.

Sebenarnya, gangguan bekalan air secara mengejut akibat pencemaran sisa industri di Sungai Selangor bukan kali pertama berlaku, malah sebelum ini banyak kali terjadi sehingga membangkitkan kemarahan rakyat yang terpaksa bersusah payah mencari sumber air bersih.

Oleh itu, saya berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) khususnya yang terbaharu melibatkan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) melakukan operasi lebih agresif bagi merobohkan kilang-kilang haram yang dibina di pinggir sungai.

Dalam kes pencemaran terbaru yang melibatkan bengkel menyelenggara mesin dan jentera di Rawang, saya difahamkan tanah itu dimiliki secara sah dan tidak diceroboh. Persoalannya kenapa bengkel yang pemiliknya pernah didenda RM60,000 pada Mac lalu kerana kesalahan sama terus dibenarkan beroperasi?

MPS dan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak juga perlu memastikan bengkel dan kilang yang berpotensi mencemarkan air tidak dibina berhampiran sungai. Pihak berkuasa harus serius untuk memindahkan kilang terbabit ke tempat lain.

Selagi semua itu tidak dibuat, kita terpaksa menyerahkan kepada takdir dan banyak-banyaklah berdoa supaya kilang terbabit tidak mencemar sungai.

Saya juga berharap pihak berkuasa mengkaji teknologi paling pantas untuk membersih pencemaran kerana kaedah sekarang dengan mengepam air mentah ke dalam sungai agak lambat.

Minyak, bahan pelarut dan racun serangga boleh dibersihkan dengan bahan kimia lain, yang tidak berbahaya sekiranya digunakan dalam kuantiti kecil, seperti hidrogen peroksida dan *potassium permanganate*.

Kaji juga kaedah *air stripping* iaitu menggunakan udara untuk membuang bahan kimia dari dalam air.

**PROFESOR TUA**
Gombak, Selangor




**PENDUDUK sangat marah kerana terpaksa bersusah payah mencari sumber air bersih. – GAMBAR HIASAN**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Klasifikasi pencemaran jadi jenayah terancang |
| Muka Surat | : | 21 |



ABDUL Hamid (tengah) menyaksikan penyerahan tongkat kuasa jawatan Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi daripada Datuk Shukri Abdullah (kiri) kepada Datuk Seri Mazlan Lazim di Maktab PDRM, Kuala Lumpur.

# Klasifikasi pencemaran jadi jenayah terancang

**Cheras:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) menimbang untuk mengklasifikasikan kes pencemaran alam sekitar di Sungai Gong, Rawang sebagai jenayah terancang.

Ia bagi membolehkan kes itu disiasat mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, ketika ini pihaknya giat menyiasat kes itu daripada pelbagai sudut termasuk wujud perbuatan sabotaj pihak tertentu.

"Kelmarin, kita mengadakan pertemuan dengan pelbagai pihak dan agensi termasuk Jabatan Peguam Negara. Ada beberapa arahan dikeluarkan dan memerlukan polis memenuhi tuntutan itu.

"Ada cadangan supaya Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) mengenakan hukuman lebih berat membabitkan dalang kes ini. Kita timbang siasat mengikut Sosma.

"Polis akan siasat jika ada unsur mengugut, menakutkan, sabotaj dan perbuatan yang dibuat berulang kali serta tidak baik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Pengarah Jabatan dan Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (Perkep) di Maktab PDRM di sini, semalam.

Mengulas berhubung cadangan untuk membentuk unit jenayah alam sekitar, Abdul Hamid berkata, pihaknya menyambut baik cadangan berkenaan dan menyerahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk membuat keputusan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Masalah bekalan air pulih sepenuhnya |
| Muka Surat | : | 21 |

# Masalah bekalan air pulih sepenuhnya

**Shah Alam:** Masalah bekalan air yang berlaku sejak seminggu lalu pulih sepenuhnya apabila tujuh wilayah mula menerima bekalan air secara berperingkat pagi semalam.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Elina Baseri berkata, gangguan itu membabitkan tujuh wilayah iaitu Wilayah Klang / Shah Alam, Petaling, Kuala Langat, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Gombak dan Kuala Lumpur.

"Air Selangor merakamkan penghargaan terima kasih di atas kesabaran pengguna sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual ini.

"Semua pengguna juga diingatkan menggunakan air secara berhemat," katanya semalam.

Elina berkata, Air Selangor juga menyarankan pengguna untuk memuat turun aplikasi telefon pintar Air Selangor di Google Play atau App Store untuk informasi terkini bekalan air.

"Pengguna juga boleh merujuk Facebook, Twitter dan Instagram Air Selangor atau layari laman sesawang kami di www.airselangor.com untuk pertanyaan serta bantuan," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Patuh atau roboh |
| Muka Surat | : | 21 |

# Patuh atau roboh

## *Selangor beri kata dua sehingga hujung tahun kepada pemilik*

**Oleh Norzamira Che Noh**
am@hmetro.com.my

**Kuala Langat**

Amaran keras! Semua pemilik tanah dan kilang yang beroperasi secara haram di Selangor diberi tempoh sehingga hujung tahun ini untuk melakukan pemutihan.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, jika pemilik tanah masih ingkar, tindakan meroboh premis akan dilakukan.

"Projek (pemutihan) kilang-kilang haram sudah bermula pada 2008 bagaimanapun ia kurang mendapat sambutan kerana membabitkan kos yang tinggi.

"Justeru, kita bagi tawaran (melakukan pemutihan) kepada mereka sehingga akhir tahun ini, tetapi jika keadaan mendesak, saya rasa kita boleh laksanakan dengan lebih cepat menjelang bajet akan datang.

"Secara keseluruhan, proses meroboh akan kita laksanakan pada awal tahun hadapan," katanya selepas Majlis Pengisytiharan Sempena Menjunjung Titah Sultan Selangor bagi Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) di Dewan Sri Jugra di sini, semalam.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, beliau akan mempengerusikan jawatankuasa kecemasan sebagai usaha kerajaan negeri mengurangkan impak pencemaran terhadap sumber air di Selangor.

"Dalam bab ini saya sendiri akan ketuai jawatankuasa itu dalam masa terdekat. Kali ini kita akan gabungkan teknologi pemantauan sungai seiring dengan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) sebagai agensi pemantauan sumber air.

"Kita juga akan melaksanakan usaha pembersihan kawasan sungai, pengosongan rizab sungai yang dibangunkan oleh infrastruktur dan bangunan yang tidak mendapat kebenaran," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan menjunjung kasih titah Sultan Sharafuddin Idris Shah kelmarin yang menitahkan beberapa tindakan perlu diambil berhubung isu berkenaan berikutan bagindа bimbang rakyat akan memberontak seterusnya boleh mengakibatkan ketegangan dan menjejaskan keharmonian sosial sekiranya masalah air berterusan.

"Kita memang lakukan... cuma kali ini atas titah baginda, semua pihak dan jabatan malah rakyat juga harus terbabit dalam proses pemeliharaan serta pemuliharaan sumber bekalan air kita," katanya.

Terdahulu, Kuala Langat yang sebelum ini berstatus majlis daerah secara rasminya dinaik taraf sebagai majlis perbandaran atas perkenan Sultan Selangor dan akan menggunakan imej logo perbandaran yang baharu.

Amirudin berkata, MPKL diharapkan dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan serta mutu kerja setaraf dengan naik taraf yang diperoleh.




AMIRUDIN pada Majlis Pengisytiharan Sempena Menjunjung Titah Sultan Selangor bagi Pengisytiharan MPKL di Dewan Sri Jugra, semalam.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR<br>10 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Bekalan air pulih sepenuhnya |
| Muka Surat | : | 3 |

# Bekalan air pulih sepenuhnya

**KUALA LUMPUR** – Gangguan bekalan air yang menjejaskan lebih lima juta pengguna di Lembah Klang ekoran pencemaran bau di Sungai Gong, Rawang sejak 5 September lalu dilaporkan telah pulih sepenuhnya.

Ketua Komunikasi Korporat, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor), Elina Baseri berkata, kesemua tujuh wilayah yang terjejas sebelum ini telah menerima bekalan sejak pukul 7 pagi semalam.

Wilayah terlibat ialah Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

"Air Selangor ingin mengucapkan terima kasih di atas kesabaran para pengguna sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual ini.

"Sentiasa menggunakan air secara berhemat," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Elina, pengguna diminta merujuk semua saluran komunikasi Air Selangor seperti Twitter, Facebook, Instagram, aplikasi Air Selangor dan laman sesawang *www.airselangor.com* untuk maklumat terkini.

*Kosmo!* pada 3 September lalu melaporkan sebanyak tujuh wilayah di Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air selepas empat Loji Rawatan Air (LRA) dihenti tugas ekoran pencemaran sumber air mentah yang dikesan di Sungai Gong, Rawang.

LRA yang terlibat ialah Rantau Panjang, Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3.

Ekoran itu, lebih lima juta pengguna melibatkan 1,292 kawasan mengalami gangguan air tidak berjadual selama empat hari bermula 5 September lalu.



**GANGGUAN bekalan air di Lembah Klang telah pulih sepenuhnya bermula pagi semalam.** – GAMBAR HIASAN

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>10 September 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Kerajaan Selangor mula bertindak |
| Muka Surat | : | 3 |

Roboh kilang haram di kawasan tebing sungai elak pencemaran berulang

# Kerajaan Selangor mula bertindak

**Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI dan ABDUL RAZAK IDRIS**

**KUALA LANGAT** – Semua kilang terutama premis yang beroperasi tanpa kebenaran di tebing sungai di Selangor akan dirobohkan dalam terdekat bagi mengelak kejadian pencemaran berulang.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, tindakan dibuat bagi menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah terhadap kilang terutama premis haram yang berpontensi mencemarkan anak sungai di negeri ini.

Katanya, beliau akan mempengerusikan jawatan kuasa menangani perobohan kilang haram dan struktur tidak wajar di sepanjang sungai di negeri ini.

"Bagi mencapai objektif itu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) diberi tugas sebagai agensi pelaksana.

"Kita akan menggabungkan teknologi pemantauan sungai bagi halang sebarang cubaan mana-mana pihak untuk melakukan pencemaran," katanya selepas Majlis Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat di sini semalam.

Beliau berharap semua pihak memberi kerjasama terutama bagi mengosongkan kawasan rizab sungai.

"Perkara ini tidak mudah kerana ada pihak akan menggunakan isu ini untuk melakukan serangan politik," katanya.

Beliau bagaimanapun tiada maklumat terperinci termasuk jumlah kilang haram yang akan terlibat dalam operasi perobohan tersebut kerana berada di bawah pihak berkuasa tempatan yang berbeza.



**SEBUAH kilang penyelenggaraan jentera di Rawang ditutup selepas didakwa menjadi punca pencemaran air di Sungai Gong sehingga menyebabkan gangguan bekalan air di Lembah Klang.**

Sebelum ini, Jabatan Alam Sekitar Selangor mengenal pasti 53 premis di sekitar Sungai Gong, Rawang untuk disemak dan diperiksa bagi memastikan kejadian pencemaran tidak berulang.

Sementara itu, beliau berkata, proses pemutihan kilang di Selangor dilaksanakan sejak 2008.

"Kita beri peluang sehingga hujung tahun ini kerana kebanyakan premis tidak menyertai (pemutihan) disebabkan melibatkan kos tinggi dari segi penempatan semula," katanya.

*Kosmo!* semalam melaporkan Sultan Sharafuddin menzahirkan rasa dukacita terhadap gangguan bekalan air yang terpaksa ditanggung rakyat Selangor susulan pencemaran sebuah kilang jentera berat di Rawang.

Baginda bertitah mahu tindakan penguatkuasaan lebih tegas diambil bagi memastikan kilang-kilang haram berhampiran tebing sungai dirobohkan kerana berpotensi mencemarkan sungai di negeri itu.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>10 September 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Cemar alam sekitar jenayah terancang |
| Muka Surat | : | 13 |

# Cemar alam sekitar jenayah terancang

PDRM teliti undang-undang terbaik untuk hukum mereka yang terlibat mencemarkan alam sekitar



